

3757/1

Ekonomi

Asas

Kertas 1

September

2008

1 ¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2008**

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

1. Sumber ekonomi yang terhad dan kehendak manusia tidak terhad, maka
- A sumber-sumber ekonomi tidak dapat diperuntukkan dengan cekap
 - B barang ekonomi diperolehi dengan percuma
 - C pilihan perlu dibuat untuk membuat keputusan ekonomi
 - D agihan pendapatan yang saksama sukar dicapai
2. Apakah masalah asas ekonomi yang harus dipertimbangkan oleh sebuah firma apabila menganggarkan kos pengeluaran minimum?
- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV
3. Sesuatu barang tidak ada nilai ekonomi apabila barang itu
- A boleh diperolehi tanpa membuat bayaran pendahuluan
 - B mempunyai penawaran yang tidak terhad
 - C tidak memberi faedah kepada pengguna
 - D tidak mendatangkan margin keuntungan kepada pengeluar
4. "Kerajaan memperkenalkan Rancangan Makanan Tambahan kepada murid-murid"
- Pernyataan di atas berkaitan dengan masalah asas ekonomi
- A Apa yang hendak dikeluarkan
 - B Berapa yang hendak dikeluarkan
 - C Bagaimana hendak dikeluarkan
 - D Untuk siapa hendak dikeluarkan
5. Apakah kebaikan sistem ekonomi perancangan pusat kepada pengeluar?
- A Kebajikan rakyat lebih diutamakan
 - B Pengeluaran barang awam diutamakan
 - C Kesan luaran negatif dapat dikawal
 - D Harga lebih stabil

6. Soalan berikut berdasarkan maklumat di bawah ini



X = barang awam Y = barang ekonomi

Manakah yang benar mengenai kawasan bertanda Z?

- A Penawaran terhad dan tiada kos lepas
- B Perlu bayaran dan dikeluarkan oleh firma
- C Penawaran terhad dan wujud kos lepas
- D Perlu bayaran dan dikeluarkan oleh kerajaan

7. Jadual 1 menunjukkan upah dan harga barang X, Y dan Z.

Upah (RM)	Harga barang (RM)		
	Barang X	Barang Y	Barang Z
3500	25	28	22

JADUAL 1

Hitungkan upah benar?

- A 130 unit
- B 140 unit
- C 150 unit
- D 160 unit

8. Jika penggunaan melebihi pendapatan boleh guna, manakah keadaan boleh berlaku.

- I Pelaburan akan merosot.
- II Caruman KWSP akan berkurangan.
- III Simpanan di dalam institusi kewangan akan merosot.
- IV Pinjaman harus dibuat daripada saudara mara atau institusi kewangan.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

9. Antara yang berikut, manakah bayaran pindahan?
- A Bonus yang diterima oleh seorang pekerja bank
 - B Derma yang diterima oleh mangsa tsunami di Kuala Muda
 - C Gaji yang diterima oleh guru yang sedang melanjutkan pelajaran
 - D Upah yang diterima oleh seseorang anak yang mencuci kereta bapanya
10. Jadual 2 menunjukkan pendapatan, perbelanjaan dan tabungan Puan Suraya.

Butiran	RM
Pendapatan	32 000
Penggunaan	25 700
Tabungan	1 300

JADUAL 2

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Suraya?

- A RM 5 000
 - B RM 6 300
 - C RM 27 000
 - D RM 30 000
11. Antara berikut, yang manakah benar mengenai pelaburan.
- I Pelaburan merupakan pembelian aset-aset tetap
 - II Pelaburan bertujuan mendapatkan pulangan
 - III Pelaburan adalah melibatkan perbelanjaan ke atas barang modal
 - IV Pelaburan tidak melibatkan pembangunan modal insan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

12. Jadual 3 menunjukkan upah, harga purata dan upah benar bagi bulan-bulan berikut.

Bulan	Upah (RM)	Harga Purata (RM)	Upah Benar (Unit)
Januari	1200	1.50	800
Februari	1500	1.70	882.35
Mac	2100	2.10	1000
April	2500	3.00	833.33

JADUAL 3

Pilih pernyataan yang betul.

- I Upah benar menurun pada bulan April akibat kenaikan tingkat harga umum
- II Upah wang meningkat tetapi kuasa beli menurun pada bulan April
- III Upah benar menurun pada bulan April akibat kejatuhan tingkat harga umum
- IV Upah wang meningkat dan kuasa beli meningkat pada bulan April

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

13. Apakah objektif penggunaan sektor isi rumah?

- A Memenuhi keperluan yang maksimum
- B Mencapai kepuasan yang maksimum
- C Membeli barang yang diinginkan
- D Memilih barang yang berkualiti

14. Apabila harga barang X menurun, permintaan barang Y akan naik. Keadaan ini menunjukkan bahawa barang X dan barang Y ialah

- A barang mesti
- B barang normal
- C barang pengganti
- D barang penggenap


15. Jadual 4 menunjukkan hubungan antara harga barang dengan kuantiti yang diminta.

Harga seunit (RM)	Kuantiti barang diminta (unit)
1	10
2	9
3	8
4	8
5	7
6	5
7	3

JADUAL 4

Antara berikut yang manakah menunjukkan pergerakan yang bercanggah dengan hukum permintaan?

- A Dari RM 1 ke RM 2
 B Dari RM 2 ke RM 3
 C Dari RM 3 ke RM 4
 D Dari RM 5 ke RM 6
16. Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



RAJAH 1

Hitungkan X jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 2.

- A 200
 B 150
 C 120
 D 112

17. Jadual 5 menunjukkan harga seunit dan kuantiti komputer yang diminta pada bulan Jun dan Ogos

<i>Harga seunit (RM)</i>	<i>Kuantiti komputer diminta pada bulan Jun (unit)</i>	<i>Kuantiti komputer diminta pada bulan Ogos (unit)</i>
4 000	5 000	20 000

JADUAL 5

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan permintaan pada bulan Ogos?

- A Kempen iklan yang berjaya
 B Kejatuhan harga barang pengganti
 C Kenaikan harga barang penggenap
 D Pengguna menjangkakan harga barang itu akan jatuh
18. Fungsi pengeluaran jangka masa pendek merujuk kepada...
- A perubahan jumlah keluaran kesan daripada perubahan dalam satu unit input berubah
 B jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh sesebuah firma dalam proses pengeluaran
 C hubungan antara input berubah yang ditambah ke atas input tetap pada setiap tingkat output
 D jumlah output yang dapat dihasilkan oleh firma apabila input berubah ditambah kepada input tetap
19. Antara berikut, pernyataan yang manakah benar mengenai kos tetap dan kos berubah dalam proses pengeluaran makanan ringan

	Kos Tetap	Kos Berubah
A	Bil telefon	Susut nilai mesin
B	Upah buruh	Kos pengangkutan
C	Sewa kilang	Kos minyak masak
D	Bayaran pinjaman	Premium insurans


20. Jadual 6 menunjukkan output, kos purata dan kos berubah bagi sebuah firma.

Output (unit)	Kos purata (RM)	Kos berubah (RM)
0	-	-
1	60	35
2	40	55
3	40	95
4	50	175

JADUAL 6

Hitung kos tetap bagi output di atas.

- A RM20
 B RM25
 C RM40
 D RM60
21. Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran sebuah firma pengeluar roti.



RAJAH 2

Peralihan keluk penawaran dari SS ke S_1S_1 adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut

- I Teknologi baru digunakan
 II Upah buruh semakin rendah
 III Harga roti di pasaran telah menurun
 IV Harga tepung gandum telah menurun

- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

22. Jadual 7 menunjukkan harga pemain cakera padat dan kuantiti yang ditawarkan.

Harga Asal (RM)	Harga Baru (RM)	Kuantiti Asal (Unit)	Kuantiti Baru (Unit)
100	X	20	30

JADUAL 7

Hitungkan nilai X jika nilai keanjalan harga penawaran ialah 2.5


- A RM120
- B RM125
- C RM130
- D RM140

23. Antara berikut, yang manakah benar tentang pasaran?

- I Mempunyai barang dan perkhidmatan yang dapat memberi kepuasan kepada pengguna
- II Ada pembeli dan penjual
- III Mempunyai tingkat harga tertentu yang dipersetujui bersama
- IV Mesti wujud perjumpaan secara langsung antara pembeli dan penjual

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

24. Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran bagi empat buah firma (S_1 , S_2 , S_3 dan S_4) pada harga RM8.00.




RAJAH 3

Berapakah X jika kuantiti penawaran pasaran adalah sebanyak 88 unit?

- A 18
- B 30
- C 38
- D 63

25. Rajah 4 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran buruh pada tingkat upah RM 15.




RAJAH 4

DD = keluk permintaan buruh
 SS = keluk penawaran buruh

Pada tingkat upah RM 20, pasaran buruh akan mengalami situasi ...

- A lebih penawaran buruh seramai 40 orang
- B lebih permintaan buruh seramai 40 orang
- C lebih permintaan buruh seramai 50 orang
- D lebih penawaran buruh seramai 50 orang

26. Rajah 5 menunjukkan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.




RAJAH 5

Manakah merupakan aliran pendapatan isi rumah?

- A Aliran I
 B Aliran II
 C Aliran III
 D Aliran IV
27. Konsep Mudharabah dalam Skim Perbankan Islam menggalakkan deposit pelaburan am. Deposit ini menyamai
- A deposit tabungan
 B deposit semasa
 C deposit tetap
 D deposit bertempoh
28. Manakah di antara berikut merupakan kemudahan pinjaman yang ditawarkan oleh bank perdagangan?
- I Bercagar
 II Kad kredit
 III Draf bank
 IV Overdraf
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

29. Gambar 1 menunjukkan contoh buku akaun.



GAMBAR 1

Fungsi wang yang berkaitan dengan gambar 1 ialah

- A alat perantaraan pertukaran
- B alat ukuran nilai
- C alat simpanan nilai
- D alat bayaran tertunda

30. Berikut adalah fungsi bank pusat

- I Menyimpan rizab antarabangsa untuk melindungi nilai mata wang negara
- II Mengarahkan bank saudagar menurunkan kadar faedah untuk mencegah inflasi
- III Menyalurkan tabungan untuk pembangunan negara
- IV Mempengaruhi kedudukan kredit untuk kestabilan ekonomi negara

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

31. Apakah maksud wang tanda?

- A Nilai mukanya adalah lebih tinggi daripada nilai logamnya
- B Nilai mukanya adalah lebih rendah daripada nilai logamnya
- C Nilai mukanya adalah sama dengan nilai logamnya
- D Nilai mukanya ditetapkan oleh kerajaan.

32. Cukai eksais yang dikenakan ke atas rokok akan menyebabkan

- A kematian akibat kanser paru-paru akan berkurangan
- B peningkatan bilangan perokok
- C permintaan ke atas rokok berkurangan
- D harga rokok akan naik

33. Antara berikut, manakah langkah kerajaan yang boleh mengatasi kemelesetan ekonomi?
- A Menambahkan perbelanjaan kerajaan dan menurunkan cukai
 - B Menambahkan perbelanjaan kerajaan dan menambahkan cukai
 - C Mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan menurunkan cukai
 - D Mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan menaikkan cukai
34. Kereta yang diimport dari Korea Selatan yang dijual di pasaran tempatan akan dikenakan
- A duti import dan tarif
 - B cukai eksais dan cukai jualan
 - C cukai jualan dan duti import
 - D cukai eksais dan duti import
35. Antara berikut, yang manakah dianggap sebagai hasil bukan cukai ?
- I Pendapatan daripada jualan syer MAS
 - II Dividen yang diterima daripada Petronas
 - III Pendapatan daripada mengeluarkan lesen memandu
 - IV Duti eksport yang diterima oleh kerajaan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
36. Apakah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan supaya hutang negara tidak bertambah?
- I Membeli surat jaminan kerajaan
 - II Melaksanakan dasar belanjawan kurangan
 - III Melaksanakan dasar belanjawan lebihan
 - IV Mengurangkan kadar cukai pendapatan perseorangan dan syarikat
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

37. Antara berikut, yang manakah merupakan kebaikan perdagangan antarabangsa ?

- I Pengguna dapat memperoleh barangan yang tidak dikeluarkan dalam negeri
- II Memperluaskan pasaran bagi keluaran industri tempatan
- III Pilihan pengguna terhadap kepada negara ASEAN sahaja
- IV Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

38. Imbangan Akaun Semasa negara X mencatat nilai negatif walaupun Imbangan Dagangannya adalah positif kerana

- A Imbangan Dagangan mengalami lebihan manakala Imbangan Perkhidmatan mengalami kekurangan.
- B Imbangan Perkhidmatan negatif mengatasi lebihan dalam Imbangan Dagangan
- C Imbangan Dagangan yang berlebihan mengatasi kekurangan dalam Imbangan Perkhidmatan
- D Penerimaan wang daripada luar negara mengatasi kekurangan Imbangan Perkhidmatan

39. Dalam keadaan manakah wujudnya permintaan Ringgit Malaysia?

- A Rakyat Malaysia menunaikan haji
- B Switzerland mengeksport jam ke Malaysia
- C Malaysia mengeksport pisang ke Arab Saudi
- D Pelajar Malaysia membayar yuran pengajiannya di Universiti Oxford

40. Jadual 8 menunjukkan eksport negara X tahun 2007

Butir	RM (Juta)
Eksport Barang Nampak	5 000
Eksport Barang Tidak Nampak	2 500

JADUAL 8

Hitungkan nilai import nampak jika negara X mengalami imbalan dagangan kurangan sebanyak RM500 juta.

- A RM 3 000 juta
- B RM 5 500 juta
- C RM 7 500 juta
- D RM 8 000 juta

KERTAS SOALAN TAMAT